

Jenis Akhbar : Bernama Online

Tarikh : 30/03/2019

Edisi / Muka surat : www.bernama.com

Tajuk : Angkasa optimis 300 koperasi sekolah menengah capai jualan RM1 juta

Angkasa optimis 300 koperasi sekolah menengah capai jualan RM1 juta

Tarikh kemaskini: 30/03/2019



KUBANG PASU, 30 Mac (Bernama) -- Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) yakin 300 koperasi sekolah menengah di seluruh negara mampu mencatat jualan RM1 juta dalam tempoh lima tahun lagi berdasarkan keupayaan semasa mereka yang mencatat lebih RM500,000.

Presidennya Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata keyakinan itu juga bersandarkan inisiatif koperasi terbabit yang mempelbagaikan bidang perniagaan kepada kedai gunting rambut, pertanian, dobi dan sebagainya berbanding dahulu yang bergantung kepada penjualan alat tulis dan bahan bercetak.

"Setakat ini kita sudah ada enam koperasi sekolah yang telah mencapai perolehan jualan RM1 juta dan saya yakin dalam tempoh lima tahun lagi sebanyak 300 buah koperasi sekolah akan mencapai perolehan RM1 juta," katanya kepada pemberita selepas perasmian 'Laman Angkasa' bersempena Program Penghargaan 'Coop Care' Kepada Koperasi Sekolah Yang Mencapai Perolehan RM1 juta di Maktab Rendah Sains Mara (MRSM), di sini hari ini.

Pada masa sama, Abdul Fattah berkata sasaran itu memerlukan kerjasama persatuan ibu bapa dan guru iaitu menggalakkan anak-anak menambah pelaburan dalam koperasi sekolah, sekali gus membuka ruang koperasi mencatat keuntungan besar dan memberi pulangan dalam bentuk dividen lebih tinggi.

"Angkasa akan memantau koperasi sekolah-sekolah ini dan bagi koperasi yang belum mencapai perolehan jualan memberangsangkan kita akan kenal pasti dan lihat bentuk bantuan yang sesuai bagi membantu koperasi terbabit," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan lima koperasi MRSM dan sebuah kolej vokasional digelar sebagai koperasi jutawan selepas memperoleh pendapatan lebih RM1 juta.

Antara yang dilakukan ialah dengan mempelbagaikan perniagaan termasuk memiliki taman asuhan kanak-kanak (Taska), kafeteria selain mesin dobi cuci sendiri.

Koperasi berkenaan ialah koperasi MRSM Taiping, MRSM Tun Abdul Razak (Pahang), MRSM Kepala Batas (Pulau Pinang), MRSM Kubang Pasu (Kedah), MRSM Batu Pahat Berhad (Johor) dan Kolej Vokasional Tanah Merah (Kelantan).

-- *BERNAMA*